

02 JANUARI 2018

Juruterbang 'kaki syabu'



Juruterbang 'kaki syabu'

SUSPEK ditahan dalam pemeriksaan ujian saringan air kencing yang dijalankan BNNP Kepulauan Riau di Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Nadim, Batam.

■ Pilot Malaysia ditahan di Batam kerana positif dadah

Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang juruterbang syarikat penerbangan tempatan ditahan di Batam, Indonesia kerana didapati positif dadah jenis syabu, kelmarin.

Memetik laporan Detik.com, lelaki berusia 34 tahun dan berasal dari Kelan-

tan itu ditahan selepas ujian saringan air kencing dijalankan Badan Narkotika Nasional Provinsi (BNNP) Kepulauan Riau di Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Nadim, Batam.

Menurut laporan itu, pemeriksaan lanjut turut menemui satu paket syabu seberat 1.09 gram dalam

bagasi miliknya selain alat penghisap dadah.

"Tangkapan itu susulan ujian saringan air kencing terhadapnya yang didapati positif dadah," kata laporan itu.

Sementara itu, laporan Kompas.com pula menyatakan lelaki terbabit sepatut-

nya akan melakukan penerbangan semula dari Batam ke Subang, semalam.

"Juruterbang itu sedang bermalam di Batam sementara menunggu untuk melakukan penerbangan ke Subang sekitar jam 11 pagi pada hari minggu (Ahad)," kata laporan itu.

Difahamkan, juruterbang terbabit diserahkan kepada pihak Badan Narkotika (BNN) Nasional Kota Batam untuk tindakan lanjut.

FAKTA
Lelaki ditahan bersama satu paket syabu seberat 1.09 gram dalam bagasi miliknya